

# Kukuhkan tradisi sambut perayaan bersama-sama - Abdullah

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru rakyat Malaysia memperkukuhkan tradisi menyambut hari perayaan bersama-sama agar integrasi kaum lebih utuh.

Katanya, masyarakat perlu meneruskan keunikan amalan itu dalam suasana aman dan harmoni.

"Justeru, dengan kerja keras, keikhlasan dan persefahaman, masyarakat berbilang kaum dan budaya telah meletakkan kepelbagaian ini sebagai satu keunikan yang membawa kekuatan dan kemakmuran kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutu-

san sempena sambutan Hari Deepavali yang akan diraikan oleh penganut agama Hindu pada Sabtu ini.

Abdullah menjelaskan, Deepavali merupakan hari suci penuh warna-warni bagi kaum Hindu dan ia telah menjadi salah satu sambutan perayaan utama di negara ini kerana turut dirayakan bersama oleh rakyat Malaysia dari segenap latar belakang.

"Sehubungan itu, meraikan bersama-sama merupakan satu peluang dan kesempatan untuk menerima kepelbagaian itu dan mengukuhkan persefahaman bersama," katanya.

Sempena musim perayaan ini, beliau

turut meminta masyarakat mengambil kesempatan untuk berkumpul bersama dan menghulurkan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik agar bersama-sama dapat merasai kemeriahan perayaan itu.

Sementara itu, ujar Abdullah, semangat menyucikan diri dan harapan murni yang sering dikaitkan dengan perayaan Deepavali harus diterjemahkan dalam memberi ruang dan peluang untuk golongan kurang bernasib baik menikmati kehidupan lebih baik lagi.

"Sehubungan itu, marilah meraikan musim perayaan ini dengan semangat untuk maju ke hadapan bersama-sama serta mem-

perkukuhkan perhubungan antara berbilang kaum, bukan hanya bertunjangan toleransi tetapi lebih daripada itu, berpaksikan rasa hormat dan percaya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberi keyakinan bahawa kerajaan akan terus memastikan semua pihak dapat mengamalkan kebebasan beragama masing-masing dalam konteks kepelbagaian budaya yang istimewa itu.

Sambil mengucapkan Selamat Hari Deepavali Abdullah berharap hari yang penuh istimewa itu akan disambut oleh masyarakat beragama Hindu bersama-sama ahli keluarga, rakan-rakan dan semua yang tersayang.